



## JABATAN LANDSKAP NEGARA

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan  
Dan Kerajaan Tempatan  
Tingkat 7, 11 & 15, Plaza Permata-IGB  
Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Malaysia



Tel. : 03-40470000  
Faks : 03-40452415  
Emel : kpjln@kpkt.gov.my

Ruj Kami : (33) KPKT/JLN/S/19/09/431/5 Jld.12  
Tarikh : 6 Februari 2018

### SENARAI EDARAN

Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### TAWARAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN LANDSKAP (PPL) BAGI PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED JA29 TAHUN 2018, JABATAN LANDSKAP NEGARA, KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Landskap Negara (JLN) akan mengadakan Peperiksaan Perkhidmatan Landskap Tahun 2018 bagi Penolong Arkitek Landskap Gred JA29 pada 7 dan 8 Mei 2018. Syarat-syarat kelayakan permohonan bagi Penolong Arkitek Landskap Gred JA29 bagi kali pertama adalah pegawai mesti berkelulusan Diploma Senibina Landskap dan mempunyai pengetahuan dalam pengendalian Perisian AutoCad. Manakala bagi pegawai-pegawai yang pernah kandas dalam Peperiksaan Perkhidmatan Landskap kendalian JLN adalah masih boleh menduduki peperiksaan tersebut.

3. Untuk makluman Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan, Jabatan ini mengesyorkan bagi Penolong Arkitek Landskap Gred JA29 yang berkelulusan Diploma Pertanian atau yang berkaitan menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Landskap di Agensi / Jabatan lain yang mengendalikan peperiksaan setaraf untuk pengesahan lantikan Penolong Arkitek Landskap Gred JA29.

4. Sehubungan itu, permohonan daripada pegawai-pegawai yang layak adalah dipelawa. Borang Permohonan dan Jadual Peperiksaan tersebut boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Jabatan ([jln.kpkt.gov.my](http://jln.kpkt.gov.my)). Borang Permohonan yang telah lengkap hendaklah dikembalikan kepada Urus setia **sebelum atau pada 30 April 2018 (Isnin)**. Untuk pertanyaan, sila hubungi Urus setia PPL di talian 03-40470137 / 40470147.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“1Malaysia: Negara Taman”**

Saya yang menurut perintah,



**(NOR ARFAH BINTI MOHD ISHAK)**  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
b.p. Ketua Pengarah  
Jabatan Landskap Negara

s.k. KP

Pengerusi Panel Peperiksaan Perkhidmatan Landskap

**JADUAL PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN BAGI SKIM PERKHIDMATAN LANDSKAP  
JABATAN LANDSKAP NEGARA  
TAHUN 2018**

BIL.	NAMA PEPERIKSAAN	KOD PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PEPERIKSAAN	TARIKH PEPERIKSAAN	MASA	TEMPAT PEPERIKSAAN
1	PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED JA29 SEKSYEN I - Aplikasi Teknologi Maklumat Dalam Landskap SEKSYEN II - Prinsip Reka Bentuk Landskap SEKSYEN III - Binaan Landskap / Landskap Kejur	2900A 2900B 2900C	30 April 2018 (Isnin) 30 April 2018 (Isnin) 30 April 2018 (Isnin)	17 Julai 2018 (Selasa)* 16 Julai 2018 (Isnin)* 16 Julai 2018 (Isnin)*	10.00 AM - 2.00 PM 10.00 AM - 12.30 PM 2.30 PM - 3.30 PM	INTEC, UiTM Shah Alam

**PANDUAN PERMOHONAN :**

- Calon-calon hendaklah **MENGISIKAN NAMA DAN ALAMAT PEJABAT DENGAN LENGKAP** semasa mengisi borang permohonan.
- Calon-calon digalakkan memohon seawal yang mungkin sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- Pemohon daripada agensi luar Jabatan Landskap Negara perlu mengemukakan **surat kebenaran untuk menumpang** daripada Lembaga Peperiksaan masing-masing.
- Calon-calon yang tidak mendaftar tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan.
- Calon-calon **DIWAJIBKAN BERPAKAIAN PEJABAT SEMASA MENGHADIRI PEPERIKSAAN**. Calon juga **tidak dibenarkan memakai seluar jeans**. Ketua Pengawas berhak menghalang calon-calon yang tidak mematuhi arahan daripada menduduki peperiksaan.
- Jadual Peperiksaan Perkhidmatan boleh diperolehi daripada laman web Jabatan Landskap Negara (JLN) iaitu <http://jin.kpkt.gov.my> atau Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Plaza Permata-IGB, Jalan Kampar, Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur. Tel : 03-4047 0137 / 0147

\* Tertakluk kepada perubahan. Setiap calon akan dimaklumkan jika terdapat sebarang pindaan tarikh.